

26 MAR 1999

GOLDMAN SACHS-M'SIA

RAMALAN EKONOMI DAN KESTABILAN POLITIK M'SIA BERTAMBAH BAIK

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Jangkaan ekonomi dan kestabilan politik, dua isu penting yang menjadi kebimbangan kepada pelabur-pelabur, telah bertambah baik di Malaysia, kata Goldman Sachs, sebuah institusi kewangan yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS).

Goldman Sachs, yang terlibat dalam sekuriti dan perbankan pelaburan antarabangsa juga meramalkan Malaysia akan mencapai satu pertumbuhan ekonomi sebanyak 2.0 peratus tahun ini.

Ia menyatakan prospek ekonomi lebih baik negara disokong oleh usaha penyusunan semula bank yang agresif tanpa banyak campur tangan politik.

"Sementara itu, masalah dalaman UMNO (parti dominan dalam kerajaan campuran Barisan Nasional) mula reda," kata institusi itu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), hari ini.

Ia juga menyatakan lanskap politik mula reda selepas kemenangan UMNO di Sabah.

Ia menambah langkah politik seterusnya adalah pilihan raya umum negara dan tarikhnya akan bergantung kepada pemulihan ekonomi dan kunjungan ke seluruh negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menilai keadaan sebenar.

Goldman Sachs menyatakan pembelian/pengurusan lebih daripada RM40 bilion dalam pinjaman tidak berbayar (NPL) oleh Pengurusan Danaharta Nasional dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) ditambah dengan lebih daripada RM11 bilion dalam suntikan modal daripada Danamodal menggerakkan ke hadapan proses penyusunan semula perbankan dan korporat.

"Pembelian NPL mewakili kira-kira 60 peratus daripada anggaran kemuncak nisbah NPL kami dan kira-kira 60 peratus daripada NPL yang diumumkan (sehingga September lalu)," kata institusi itu.

Langkah penting seterusnya bagi ekonomi adalah jualan aset tersebut, kata Goldman Sachs.

"Kami menjangkakan Malaysia akan menyusun semula sebelum menjual dan ia akan mengambil masa walaupun cadangan-cadangan utama (contoh Renong) telah diumumkan," tambah institusi itu.

Dengan Malaysia mencuba untuk mengaktifkan pasaran bon ringgit, Goldman Sachs menyatakan ia menjangkakan penyusunan semula aset itu (daripada NPL) cenderung ke arah jualan hutang kepada pelabur baru daripada pertukaran hutang dengan kreditor sedia ada.

Dengan memberikan isyarat "baik" kepada kredit Malaysia (contoh bon) meskipun pengetatan yang tegas, Goldman Sachs menyatakan prospek prestasi ekonomi yang bertambah baik, kadar faedah rendah dan kemasukan dalam indeks ekuiti penanda aras utama akan membantu pasaran ekuiti.

Dengan menyatakan kegiatan asas sebenar kekal lemah dengan pengeluaran perindustrian turun sebanyak 12.4 peratus pada Januari, ia masih lagi yakin bahawa Malaysia mempunyai prospek baik untuk mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 2.0 peratus tahun ini.

Ia adalah berasaskan kepada kadar pengangguran yang masih rendah, pengembangan dasar fiskal, pandangan positif bagi elektronik dan harga minyak yang lebih baik.

Agregat kewangan menunjukkan peningkatan walaupun tidak berlebihan dan ia juga menunjukkan kepada prestasi KDNK yang lebih baik, kata Goldman Sachs.

-- BERNAMA

AD ZK